

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**DI MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2016  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**12 JANUARI 2016 (SELASA)  
DEWAN SERBAGUNA  
ARAS 2, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengerusi Majlis,

**YB Datuk Ab Aziz Kaprawi,**  
Timbalan Menteri Pengangkutan;

**Y.Bhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim,**  
Ketua Setiausaha Kementerian;

**Y.Bhg. Datuk Ruhaizah Muhammad Rashid,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar);

**Y.Bhg Dato' Chua Kok Ching,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan);

Ketua-ketua Jabatan

Setiausaha-setiausaha bahagian

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

## **PENDAHULUAN**

1. Saya kira masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2016 kepada semua warga kerja Kementerian Pengangkutan, Jabatan dan Agensi. Semoga tahun baru ini akan menjadi tahun yang lebih baik untuk kita semua.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan Y.Bhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian kita yang baru yang menggantikan Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Ismail bin Hj Bakar yang berpindah ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 16 Disember yang lalu.
3. Selamat datang ke keluarga besar MOT saya ucapkan dan selamat bertugas kepada Y.Bhg. Datuk Seri. Saya berharap dengan kepimpinan yang baru ini, Kementerian Pengangkutan akan terus maju dan melakar lebih banyak kejayaan di masa-masa akan datang.

## **REFLEKSI 2015**

Warga MOT sekalian,

4. Sudah semestinya, Tahun 2015 merupakan satu tahun yang begitu mencabar buat kita semua rakyat Malaysia. Namun begitu, kita bersyukur kerana negara kita telah dapat menghadapi pelbagai cabaran getir yang dilalui samada dari segi ekonomi, sosial dan politik dengan begitu baik.

5. Kerajaan sedar akan kesan daripada ketidaktentuan ekonomi global semasa akibat penurunan mendadak harga komoditi utama dunia serta isu-isu domestik yang melanda negara kepada rakyat.
6. Oleh sebab itu, pelbagai program dan inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan bagi tujuan meringankan beban rakyat dalam waktu-waktu mencabar sebegini.
7. Selain daripada itu, perpaduan dan toleransi yang dinikmati rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, pegangan agama dan fahaman ideologi turut menyumbang kepada kestabilan negara.
8. Ianya harus dipelihara dalam memastikan kita mampu menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang pada masa hadapan. Kepelbagaian budaya ini merupakan aset dan benteng kukuh negara dalam usaha kita untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

## **PENCAPAIAN MOT DALAM TAHUN 2015**

Hadirin sekalian,

9. Menyingkap pencapaian pada tahun 2015, beberapa projek pembangunan dibawah RMK-10 telah berjaya disiapkan dan dilaksanakan dengan sepenuhnya. Antaranya termasuk Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sandakan, Sabah; Lapangan Terbang Ipoh, Perak; Lapangan Terbang Sibu, Sarawak; dan Lapangan Terbang Kuantan, Pahang.
10. Daripada peruntukan sejumlah RM 2.273 billion ringgit di bawah rancangan ini, **sebanyak 97.3% telah berjaya dibelanjakan.**

Pencapaian ini adalah melebihi KPI bagi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2015 iaitu sebanyak 95%.

11. Selain itu, Kementerian Pengangkutan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang efisien kepada orang ramai selaras dengan inisiatif NKRA Pengangkutan Awam.
12. Projek-projek menaiktaraf Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Di Lembah Klang (Klang Valley Double Tracking-KVDT) dan perkhidmatan Tren ETS dari KL Sentral ke Padang Besar membolehkan rakyat menikmati kemudahan pengangkutan awam yang efisien dan *seamless*.
13. Misalnya, bagi Projek KVDT, masa menunggu di antara kereta api dapat dikurangkan daripada 10 minit ke 7.5 minit manakala bagi Perkhidmatan Tren ETS Ekspress KL Sentral-Padang Besar pula, masa perjalanan mampu dipendekkan kepada 5 jam 30 minit berbanding 12 jam sebelum ini.
14. Ini selaras dengan moto dan slogan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Sekali lagi, tahniah saya ucapkan atas kejayaan kita dalam perkara ini.

Warga MOT sekalian,

15. Di samping melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi tujuan kesejahteraan rakyat, Kementerian Pengangkutan juga telah berjaya menganjurkan beberapa program besar diperingkat domestik dan antarabangsa sepanjang tahun 2015. Antaranya termasuk mesyuarat 40th Senior Transport Officer Meeting (STOM)

dan 21st ASEAN Transport Ministers Meeting (ATM) pada bulan November 2015.

16. Manakala, pada Mac 2015 pula, buat julung kalinya, MOT menjadi penganjur bersama Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) 2015; dimana dalam pameran ini, kita telah menganjurkan ASEAN Aviation Summit yang pertama kalinya dianjurkan bagi membincangkan isu berhubung keselamatan udara secara terperinci;
17. Tahun 2015 juga menyaksikan Malaysia melakar sejarah sekali lagi apabila kita berjaya mengekalkan kerusi Ahli Majlis International Maritime Organisation (IMO) bagi penggal 2016-2017 untuk enam penggal berturut-turut pada pemilihan yang diadakan di Perhimpunan Agung IMO ke-29 pada bulan November yang lalu.
18. Kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan komuniti maritim antarabangsa terhadap sumbangan Malaysia dalam bidang maritim di peringkat antarabangsa.
19. Saya ingin menyeru Jabatan Laut Malaysia dan Bahagian Maritim agar dapat menggandakan usaha supaya Malaysia dapat naik ke kedudukan yang lebih baik pada pemilihan seterusnya pada tahun 2017.

## **2016: TAHUN YANG LEBIH MENCABAR**

### **PENGURUSAN KEMENTERIAN**

Warga MOT yang saya hormati sekalian,

20. Seperti yang kita semua maklum, Tahun 2016 juga bakal menjadi satu tahun yang boleh dikatakan mencabar bagi seluruh komuniti global. Dengan penurunan berterusan harga minyak dunia ke paras terendah dalam 12 tahun, kedudukan nilai mata wang ringgit yang rendah serta kos barangan yang tinggi sudah semestinya menjadikan perjalanan tahun ini bertambah sukar.
21. Oleh yang demikian, saya menyeru warga MOT dan Jabatan serta Agensi dibawahnya agar melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan serta berbelanja secara berhemah terutama yang melibatkan perbelanjaan mengurus seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Kabinet baru-baru ini.
22. Dalam senario sebegini, sebagai sebuah kementerian yang menjana pendapatan, besar harapan saya agar kita semua dapat melipatgandakan usaha bagi meningkatkan produktiviti kementerian supaya hasil dan pendapatan kerajaan dapat bertambah. Dengan itu, kita akan mampu untuk menampung perbelanjaan kritikal yang diperlukan.
23. Dalam pada masa kita melaksanakan langkah-langkah berbelanja secara berhemah, janganlah pula ia dijadikan alasan melengahkan projek yang bermanfaat dan dekat kepada rakyat misalnya projek-projek dibawah NKRA dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terutamanya oleh JPJ.

24. Ini adalah penting kerana MOT merupakan kementerian yang mempunyai impak besar kepada kesejahteraan rakyat. Ia juga selaras dengan konsep 1Malaysia yang didukung oleh kerajaan yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

## **KERUSI MAJLIS ICAO DAN PERSEDIAAN AUDIT USOAP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

25. Tahun 2016 bakal menyaksikan beberapa *milestone* penting buat MOT. Selain menjadi ahli bagi IMO, Malaysia juga turut menduduki kerusi Ahli Majlis ICAO selama 2 penggal berturut-turut dan pemilihan seterusnya dijadualkan berlangsung pada tahun ini.
26. Amatlah besar harapan saya agar semua strategi dan program yang telah disusun dapat dilaksanakan bagi memastikan Malaysia berjaya mengekalkan kerusi Ahli Majlis ICAO yang akan dipertandingkan semasa Perhimpunan Agung ICAO sesi ke-39 pada September 2016.
27. Dalam kesempatan ini, saya menyeru supaya DCA dengan bantuan Bahagian Udara, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Siasatan Kemalangan Udara membuat persiapan rapi bagi menghadapi Universal Safety Oversight Audit Programme (USOAP) pada 2-12 Mei 2016.
28. Ini kerana, hasil auditan USOAP tersebut akan memberi impak yang tinggi terhadap pencalonan Malaysia di dalam Ahli Majlis ICAO serta perkembangan industri penerbangan awam di negara ini.

## **PENUBUHAN *CIVIL AVIATION AUTHORITY MALAYSIA* (CAAM)**

29. Dalam hal yang sama, saya berharap agar penubuhan Lembaga Penerbangan Awam atau Civil Aviation Authority Malaysia (CAAM) bagi menggantikan DCA dapat dilaksanakan dengan rapi dan berjalan dengan lancar.

## **PELAN STRATEGIK BAGI TAHUN 2016-2020.**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

30. Saya dimaklumkan bahawa satu Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2016-2020 akan disediakan. Justeru itu, saya menyeru dan memohon kepada semua pihak pengurusan tertinggi, Ketua Jabatan, semua Setiausaha Bahagian dan keseluruhan pegawai Kementerian Pengangkutan supaya dapat memberi perhatian dan komitmen kerana kita bertanggungjawab menetapkan arah tuju kementerian kita sendiri.

31. Dalam hal ini, bagi tahun 2016, saya ingin melihat Kementerian Pengangkutan ini mengamalkan inisiatif-inisiatif dan program-program bagi menyokong dan mendukung konsep integriti. Saya ingin menjadikan tahun 2016 sebagai Tahun Integriti bagi MOT dan Jabatan serta Agensi dibawahnya.

32. Bagi mempamerkan kesungguhan kita dalam hal ini, kita telah menjemput YB Senator Datuk Paul Low, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal tadbir urus dan



integriti serta pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memberi taklimat berkaitan isu-isu integrity dan tadbir urus yang baik kepada pengurusan tertinggi MOT dan Jabatan serta Agensi dibawahnya.

## **HARAPAN TAHUN 2016**

Warga MOT sekalian,

33. Akhir kata, saya berharap agar semua cabaran, dugaan dan ujian yang telah kita hadapi pada tahun yang lalu dapat dijadikan sebagai pengalaman dan kekuatan untuk kita mengorak langkah lebih jauh.
34. Kejayaan hanya boleh dikecapi melalui usaha dan pengalaman. Marilah kita semua di semua peringkat bekerjasama, berganding bahu dan bermuafakat bagi menempuh tahun 2016 yang penuh dengan cabaran dan saingan.
35. Kepada pegawai dan kakitangan yang berpindah keluar saya ucapkan ribuan terima kasih atas komitmen yang dicurahkan di kementerian ini dan bagi yang berpindah masuk, saya berharap agar anda dapat bersama-sama menjayakan semua perancangan kementerian pada tahun 2016 ini.

Sekian

Terima kasih